



Sultan Ibrahim memandu Proton Saga generasi pertama untuk menghantar Dr Mahathir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, semalam, manakala gambar kanan pula dirakam pada 10 Julai 1985 menunjukkan Sultan Iskandar Sultan Ismail ketika itu Yang di-Pertuan Agong, memandu kereta yang sama pemberian Kerajaan Pusat, bersama Dr Mahathir.

Sultan Ibrahim pandu PROTON 1 hantar Tun M

Johor Bahru: Sultan Ibrahim Sultan Iskandar semalam berkenan memandu sendiri sejauh 22 kilometer kereta Proton Saga pertama negara, menghantar Tun Dr Mahathir Mohamad ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.

Kereta dengan nombor pendaftaran PROTON 1 itu pemberian kerajaan kepada ayahanda Sultan Ibrahim, Almarhum Sultan Iskandar Sultan Ismail ketika Almarhum menjadi Yang di-Pertuan Agong Kelapan pada 26 April 1984 hingga 25 April 1989.

Dr Mahathir kali pertama menjadi Perdana Menteri bermula Julai 1981 hingga 2003 dan generasi pertama PROTON dilancarkan pada Julai 1985.

Kagum ketahanan Proton Saga

Pada sidang media kemudian, Perdana Menteri melahirkan rasa kagum dengan kenderaan berkenaan yang masih dalam keadaan baik walaupun sudah masuk usia 33 tahun.

“Kereta manual ini masih elok dan mungkin dipandu dengan baik, tidak pernah rosak. Jadi bagi saya, ini bukti baik keupayaan Proton Saga. Kereta ini sudah jalan 22,000 (km) dan harga dulu RM17,000,” katanya.

Bertemu selepas 20 tahun

BH - 11/1/2019 m/s: 2

➔ Sultan Johor, PM bincang pelbagai masalah, tak sentuh isu pelantikan Agong

Oleh Junita Mat Rasid
junita@nstp.com.my

✦ Johor Bahru

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam bertemu semula selepas kali terakhir berjumpa, kira-kira 20 tahun lalu.

Dr Mahathir mengakui perjumpaan terakhir mereka adalah sebelum beliau berundur sebagai Perdana Menteri pada 2003, ketika kali pertama menjawat jawatan berkenaan.

“Kali terakhir (jumpa) sema-

sa saya letak jawatan... dekat 20 tahun,” kata Perdana Menteri ketika ditemui media di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai selepas perjumpaan di Istana Bukit Serene itu.


Dr Mahathir berkata, pertemuan semula kira-kira 90 minit semalam membuka satu dimensi baharu hubungannya dengan Sultan Ibrahim yang sebelum ini dikatakan tegang.

Saling bertukar pandangan

Mengenai perkara yang dibincangkan, Perdana Menteri menjelaskan, mereka berbincang pelbagai masalah dan saling bertukar pandangan.

“Ya, saya boleh *communicate* (berkomunikasi). Kita bersetuju supaya kita *frank* (berterus terang), bercakap secara terus terang, tak ada sembunyi-sembunyi. Dia bagi dia punya pandangan, saya bagi saya punya pandangan.

“Saya cerita pandangan rakyat terhadap Tuanku dan Baginda terima dengan baik,” katanya sambil menambah, me-



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Dr Mahathir di Istana Bukit Serene, Johor Bahru, semalam.

reka juga bersetuju jika ada masalah pada masa hadapan, beliau boleh berjumpa atau berhubung dengan Sultan Johor.

Mengenai isu dibangkitkan pada pertemuan itu, Perdana Menteri berkata, pelbagai masalah dibincangkan, namun tidak menyentuh soal pelantikan Yang di-Pertuan Agong Ke-16.

“Macam-macam masalah (dibincangkan), saya tak payah cakap, itu antara baginda (Sultan Ibrahim) dengan saya. Yang itu

(pelantikan Yang di-Pertuan Agong) soal Raja-Raja, tiada kena mengena dengan saya,” katanya.

Isnin lalu, Majlis Raja-Raja menetapkan mesyuarat khas di Istana Negara pada 24 Januari ini untuk memilih Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, manakala 31 Januari bagi acara mengangkat sumpah jawatan.

Ia susulan keputusan Sultan Muhammad V meletak jawatan berkuat kuasa 6 Januari lalu.